

AGIHAN ZAKAT UNTUK PELAJAR DI BAWAH *FĪ SABĪLILLĀH*: ANALISIS FATWA KONTEMPORARI DAN AMALAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA

Zakat Distribution for Students Under *Fī Sabīlillāh*: An Analysis of Contemporary Fatwas and Practices in Malaysian Higher Education Institutions

Sumaiyah Bahri*, Suhaili Sarif,
Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi***

*Department Islamic Management and Finance,
Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

^(Corresponding author) e-mail:
suhaili@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/syariah.vol34no1.4>

ABSTRACT

Today, students in higher learning institutions are increasingly in need of financial assistance due to rising living costs and tuition fees. This study aims to explore the expanded interpretation of the *fī sabīlillāh* category which includes students. It is shown from the evolution of fatwā and current practices of Malaysian zakat bodies that the pursuit of knowledge is now recognised as a form of jihād *fī sabīlillāh* (striving in the path of Allah). The study employs a qualitative approach through literature review and content analysis of fatwā documents, state zakat institution guidelines, and reports on zakat distribution in tertiary education institutions. The findings have indicated

that the broadened interpretation of *fi sabīlillāh* by state *fatwā* bodies, allows students to be classified as zakat recipients based on the principles of *maqāṣid al-sharī'ah* and *maṣlaḥah mursalah* (public interest). Furthermore, zakat distribution to students has significantly enhanced their motivation, academic performance, and psychosocial well-being, hence serving as an instrument for human capital development and the strengthening of spiritual values.

Keywords: *educational zakat, asnaf fi sabīlillāh, university students, zakat fatwā, human capital development*

ABSTRAK

Pada masa kini, pelajar di institusi pengajian tinggi semakin memerlukan bantuan kewangan disebabkan oleh peningkatan kos sara hidup dan yuran pengajian. Kajian ini bertujuan untuk meneroka peluasan tafsiran kategori *fi sabīlillāh* yang merangkumi golongan pelajar. Berdasarkan evolusi fatwa dan amalan semasa oleh institusi zakat di Malaysia, usaha menuntut ilmu kini diiktiraf sebagai satu bentuk *jihād fi sabīlillāh* (berjuang di jalan Allah). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui tinjauan literatur dan analisis kandungan terhadap dokumen fatwa, garis panduan institusi zakat negeri, serta laporan agihan zakat di institusi pengajian tinggi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peluasan tafsiran *fi sabīlillāh* oleh badan fatwa negeri membolehkan pelajar diklasifikasikan sebagai penerima zakat berdasarkan prinsip *maqāṣid al-sharī'ah* dan *maṣlaḥah mursalah* (kepentingan umum). Selain itu, agihan zakat kepada pelajar telah meningkatkan motivasi, prestasi akademik, dan kesejahteraan psikososial mereka secara signifikan, sekali gus berperanan sebagai instrumen pembangunan modal insan dan pengukuhan nilai kerohanian.

Kata Kunci: *zakat pendidikan, asnaf fi sabīlillāh, pelajar IPT, fatwa zakat, pembangunan modal insan*

PENGENALAN

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang mempunyai peranan penting dalam pembangunan sosial dan ekonomi umat Islam. Ia bukan sahaja menjadi mekanisme pembersihan harta, tetapi juga berfungsi sebagai instrumen pengagihan kekayaan yang dapat menyokong golongan yang memerlukan, termasuk pelajar institusi pengajian tinggi (IPT). Dalam konteks semasa, cabaran ekonomi yang dihadapi oleh pelajar IPT seperti kos sara hidup, yuran pengajian, dan kekangan keluarga berpendapatan rendah menjadikan mereka antara kelompok yang berpotensi tergolong dalam golongan asnaf, khususnya di bawah kategori *fī sabīlillāh*.¹

Dalam kerangka pengurusan zakat di Malaysia, kategori asnaf *fī sabīlillāh* iaitu berjuang di jalan Allah telah mengalami transformasi definisi melalui beberapa fatwa negeri dan panduan dari institusi zakat. Sebagaimana fatwa Selangor menyatakan bahawa pemberian zakat kepada pelajar lazimnya dikhususkan bagi golongan asnaf fakir, miskin, mu'allaf dan *fī sabīlillāh*.² Pendefinisian *fī sabīlillāh* sebagai perjuangan, usaha atau aktiviti yang bertujuan untuk menegakkan dan mempertahankan agama Allah dikembangkan kepada golongan pelajar yang sedang berjihad menuntut ilmu. Tafsiran klasik terhadap *fī sabīlillāh* lebih terhad kepada peperangan dan peralatan peperangan, namun kajian semasa membolehkan definisi *fī sabīlillāh* dirangka secara meluas kepada dakwah, pendidikan dan ilmu pengetahuan.³ Fatwa terkini telah membuka ruang agar pelajar yang menuntut ilmu, dalam konteks yang jelas membawa manfaat kepada agama dan masyarakat, boleh dianggap sebagai penerima zakat di bawah kategori *fī sabīlillāh*.⁴

¹ Razinah Sikul, "Cabaran Ekonomi dalam Kehidupan Pelajar B40: Kajian ke atas Pelajar Politeknik Kota Kinabalu," (kertas kerja dibentangkan di 2nd International Multidisciplinary Academic Conference [IMAC'22], 2022).

² Lembaga Zakat Selangor, "Penerima dan Kriteria Penerimaan Zakat," diakses pada 31 Oktober 2025, <https://www.zakatselangor.com.my/agihan-zakat/penerima-kriteria-penerimaan-zakat>.

³ Mohd Akram Dahaman, Hydzulkifli Hashim, Syed Abu Bakar Syed Kamal Bharin, and Mohd Nazim Mohd Noor, "Transformasi Konsep 'Fi Sabilillah' Berdasarkan Fatwa Negeri Perlis dan Peranan dalam Pengurusan Dana Zakat: The Transformation of the Concept of Fi Sabilillah Based on the Fatwa of the State of Perlis and its Role in Managing Zakat Funds," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 25, no. 3 (2024): 101-118.

⁴ Nurul Ilyana Muhd Adnan, and Rabi'atul Solehah, "Tafsiran dan Status Asnaf Fisabilillah dalam Pengagihan Zakat: Interpretation and Status of

Sebagai contoh, dalam laporan fatwa oleh Majlis Agama Islam Melaka dinyatakan bahawa tujuan *fi sabilillah* ialah jalan yang menyampaikan kepada redha Allah SWT sama ada pada akidah ataupun perbuatan.⁵

Di samping itu, portal zakat negeri juga menunjukkan bahawa pelajar lazimnya dikaitkan dengan *fi sabilillah* dalam konteks pendidikan.⁶ Malah, fatwa negeri Selangor membenarkan dana zakat menukar status dermasiswa yang tidak dituntut kepada penerima *fi sabilillah*.⁷ Ulama kontemporari seperti Yusuf al-Qaradawi⁸ dan Wahbah al-Zuhayli menjelaskan bahawa sebahagian ulama Hanafi berpendapat bahawa penuntut ilmu syarie dan pendidikan yang menyumbang kepada pembinaan ummah boleh dikategorikan sebagai *fi sabilillah*. Perluasan tafsiran asnaf *fi sabilillah* ini telah membuka ruang yang besar kepada pelajar dalam memperolehi bantuan yang sewajarnya dari institusi zakat.

Perkembangan pentafsiran asnaf *fi sabilillah* dalam wacana zakat kontemporari telah membuka ruang kepada penilaian semula terhadap golongan yang layak menerima agihan, khususnya apabila aktiviti menuntut ilmu dilihat mempunyai hubungan langsung dengan pembinaan agama, masyarakat dan ummah. Sehubungan itu, objektif

Fisabilillah Asnaf in the Distribution of Zakah,” *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 12, no. 1 (2018): 24-34.

⁵ Majlis Agama Islam Melaka, “Fisabilillah,” diakses pada 31 Oktober 2025, <https://www.maim.gov.my/index.php/ms/asnaf-zakat-program/fisabilillah/>.

⁶ MyWakalah, “Kapsul Wakalah: Apa sebenarnya yang dikategorikan sebagai Fisabilillah?” diakses pada 31 Oktober 2025, <https://mywakalah.zakat.com.my/articles/3>.

⁷ Jabatan Mufti Negeri Selangor, “Fatwa Menukar Status Wang Dermasiswa Zakat dan Bantuan Umum Pelajaran Pelajar Selangor di Mesir yang Tidak Dituntut kepada yang Belum Diagihkan untuk Penerima Fi Sabilillah,” diakses pada 31 Oktober 2025, <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/27/fatwa-menukar-status-wang-dermasiswa-zakat-dan-bantuan-umum-pelajaran-pelajar-selangor-di-mesir-yang-tidak-dituntut-kepada-yang-belum-diagihkan-untuk-penerima-fi-sabilillah/>.

⁸ Yūsuf al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakah: A Comparative Study of Zakah, Regulations and Philosophy in the Light of the Qur'an and Sunnah*, vol. 1 (Jeddah: Scientific Publishing Centre, King Abdulaziz University, 1999), 67.

⁹ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, vol. 2 (Dimashq: Dār al-Fikr, 2003), 875.

kajian ini membincangkan perluasan makna *fī sabīlillāh* dalam kategori pelajar selaras dengan perkembangan fatwa dan amalan institusi zakat di Malaysia yang kini memperakui perjuangan menuntut ilmu sebagai bentuk jihad di jalan Allah. Serta perlaksanaan bantuan kepada asnaf *fī sabīlillāh* pelajar IPT dari perluasan makna yang telah di fatwakan tersebut.

SOROTAN LITERATUR

Perbincangan tentang *fī sabīlillāh* dalam zakat tidak wajar hanya berkaitan isu perluasan bantuan semata-mata, tetapi terdapat juga isu metodologi tafsiran terhadap kategori asnaf yang telah ditentukan secara khusus dalam Surah al-Tawbah ayat 60. Dalam fiqh klasik, tafsiran dominan menghubungkan *fī sabīlillāh* dengan jihad ketenteraan kerana istilah tersebut, apabila digunakan tanpa qarinah, lazimnya merujuk kepada peperangan di jalan Allah.¹⁰ Al-Qaradawi menjelaskan bahawa makna bahasa *sabil Allah* memang luas dan boleh meliputi setiap amalan yang dilakukan kerana Allah, tetapi penggunaan syarak dan fiqh sering mengecilkannya kepada jihad peperangan daripada ketegangan antara makna bahasa dan makna istilah inilah lahir perbezaan fuqaha terhadap keluasan kategori tersebut.¹¹

Peluasan kontemporari terhadap *fī sabīlillāh* perlu diasaskan kepada kaedah fiqh yang terfokus, bukan hanya makna literal “berjuang di jalan Allah” secara mutlak. Jika maknatanpa had diterima hampir semua aktiviti kebajikan boleh dimasukkan ke dalam *fī sabīlillāh*. Al-Qaradawi secara jelas menolak dua ekstrem, beliau tidak memperluas *fī sabīlillāh* sehingga meliputi semua kebaikan, tetapi juga tidak mengehadkannya kepada peperangan bersenjata sahaja, sebaliknya, beliau menerima bentuk jihad pendidikan, penulisan, media, sosial, ekonomi dan politik apabila aktiviti tersebut benar-benar membantu meninggikan agama Allah.¹²

Di sinilah asas usul fiqhnya dapat difahami melalui *ta’līl al-ḥukm*, iaitu meneliti ‘illah jihad sebagai usaha mempertahankan agama, *qiyās*, iaitu menghubungkan pendidikan strategik dengan fungsi jihad bukan ketenteraan, *maṣlahah*, iaitu manfaat awam kepada umat, dan *maqāṣid al-sharī‘ah*, khususnya pemeliharaan agama (*hifẓ al-dīn*) dan akal (*hifẓ*

¹⁰ ‘Abd Allāh ibn Aḥmad Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 9 (Riyād: Dār ‘Ālam al-Kutub, 1997), 326.

¹¹ Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakah*, 57.

¹² Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakah*, 67.

al-‘aql),¹³ namun penerimaan peluasan ini tidak seragam. Al-Qaradawi mencatat bahawa majoriti fuqaha empat mazhab masih menjadikan pembiayaan pejuang dan pertahanan Islam sebagai maksud utama kategori ini, manakala sebahagian sarjana klasik dan kontemporari menerima makna yang lebih luas dengan syarat ia tetap berkaitan dengan kepentingan agama dan umat.¹⁴ Oleh itu, peluasan kepada pelajar IPT tidak boleh dibina berdasarkan menuntut ilmu ialah kebaikan, tetapi perlu dibuktikan bahawa pengajian tersebut mempunyai kaitan substantif dengan pembinaan agama, keperluan umat, kemiskinan pendidikan atau pembangunan keupayaan Muslim.

Dalam konteks Malaysia, institusi fatwa dan zakat cenderung menerima peluasan *fi sabīlillāh*, tetapi penerimaan itu bersifat bersyarat dan masih memerlukan kawalan pelaksanaan. Fatwa Negeri Perlis, misalnya, menyatakan bahawa *fi sabīlillāh* pada asalnya merujuk kepada mereka yang berperang di medan jihad, tetapi sebahagian ulama memperluaskannya kepada usaha menyebarkan dakwah dan menegakkan syariah, fatwa yang sama juga menetapkan bahawa bahagian ini tidak boleh diberikan kepada aktiviti yang tidak membawa maksud tersebut.¹⁵ Jawapan Jabatan Mufti Negeri Selangor pula menunjukkan bahawa bantuan biasiswa zakat boleh melibatkan asnaf fakir, miskin, muallaf dan *fi sabīlillāh*, dengan takrif *fi sabīlillāh* sebagai perjuangan, usaha dan aktiviti untuk menegakkan serta mempertahankan agama Allah.¹⁶

Tafsiran ini membuka ruang bagi pelajar IPT untuk termasuk dalam golongan yang layak menerima bantuan zakat melalui kategori ini. Ulama kontemporari seperti Yusuf al-Qaradawi berpandangan bahawa pelajar yang menuntut ilmu demi kebaikan umat Islam boleh

¹³ Hafiz Falak Shair Faizi and Hafiz Sfarish Ali, “The core principles of Islamic jurisprudence within legal theory: A comprehensive analysis,” *Online Journal of Research in Islamic Studies* 11, no. 2 (2024): 57-72.

¹⁴ Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakah*, 64.

¹⁵ Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, “Fatwa Penerima Zakat Bawah Kategori *Fi-Sabilillah*,” diakses pada 31 Oktober 2025, <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/851-fatwa-penerima-zakat-bawah-kategori-fi-sabilillah>.

¹⁶ Jabatan Mufti Negeri Selangor, “Zakat dalam Konteks Pendidikan,” diakses pada 31 Oktober 2025, <https://emuskil.muftiselangor.gov.my/index.php/site/carian?soalan=Zakat+dalam+Konteks+Pendidikan>

dikategorikan sebagai *fī sabīlillāh*, khususnya apabila mereka menghadapi kesulitan kewangan yang mengganggu proses pembelajaran.¹⁷ Pandangan ini turut dikongsi oleh Sheikh Wahbah al-Zuhaylī yang menjelaskan bahawa *fī sabīlillāh* merangkumi segala bentuk kebaikan umum (*al-khayr al-‘āmm*) yang memberi manfaat kepada masyarakat Islam, termasuk pelajar miskin yang menuntut ilmu demi memperbaiki kehidupan mereka dan menyumbang kepada umat.¹⁸

Justeru itu, banyak institusi zakat di negara-negara Islam seperti Malaysia, Indonesia, dan Arab Saudi telah mula mengiktiraf pelajar sebagai penerima zakat di bawah kategori ini. Misalnya, Majelis Ulama Indonesia (MUI) dalam fatwa tahun 1996 membenarkan agihan zakat kepada pelajar Muslim sebagai golongan *fī sabīlillāh*.¹⁹ Manakala di Malaysia, hampir semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta Pusat Pungutan Zakat (PPZ) telah mengadaptasi tafsiran ini dalam dasar agihan mereka telah memperuntukkan dana zakat pendidikan di bawah kategori *fī sabīlillāh*, menunjukkan penerimaan institusi terhadap ijthidat kontemporari dalam menyesuaikan agihan zakat dengan keperluan semasa.²⁰

Perkembangan ini menunjukkan fleksibiliti fiqh Islam dalam menangani cabaran semasa tanpa mengabaikan prinsip-prinsip asal syariah.²¹ Salah satu kriteria *fī sabīlillāh* yang diterima pakai dalam konteks semasa di Malaysia adalah golongan pelajar, khususnya mereka yang menuntut ilmu di peringkat rendah, menengah mahupun di IPT. Pelajar di peringkat sekolah kebiasaannya masih berada di bawah tanggungan ibu bapa atau penjaga, dan turut mendapat pelbagai bentuk

¹⁷ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakah*, 86.

¹⁸ Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 876.

¹⁹ Majelis Ulama Indonesia, “Fatwa MUI Tahun 1996 tentang Pemberian Zakat untuk Beasiswa,” dalam *Himpunan Fatwa Zakat Majelis Ulama Indonesia 1976-2021* (Jakarta: Sekretariat Komisi Fatwa Majelis Ulama Indonesia, 2021), 11-12.

²⁰ Mohammad Noorazlan Md Ismail and Nor Aini Ali, “Analisis Agihan Zakat oleh Penolong Amil Institusi Pengajian Tinggi di Selangor: Analysis of Zakat Distribution by Amil Assistants of Higher Education Institutions in Selangor,” *Online Journal of Research in Islamic Studies* 8, no. 3 (2021): 1-14.

²¹ Busyro Busyro, “Using Zakāh for the Establishment of Islamic Centers and Maqāṣid Al-Syari‘ah’s Relativities,” *Al-Risalah* 19, no. 1 (2019): 69-88.

bantuan kerajaan.²² Tambahan pula, kos sara hidup mereka lebih rendah kerana masih tinggal bersama keluarga dan tidak perlu menanggung perbelanjaan seperti sewa, kos pengangkutan, atau kos peralatan akademik yang lain.

Sebaliknya, pelajar di IPT menghadapi cabaran kewangan yang lebih besar dan kompleks, khususnya mereka yang melanjutkan pengajian jauh dari tempat tinggal keluarga. Selain perlu membayar yuran pengajian dan membeli buku serta bahan rujukan, mereka turut menanggung kos penginapan, makanan, pengangkutan, utiliti, akses internet dan keperluan akademik yang lain. Beban tersebut menjadi lebih ketara bagi pelajar yang menuntut di bandar-bandar besar kerana kos sara hidup yang lebih tinggi.²³ Oleh itu, pelajar IPT, khususnya yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah dan sederhana serta tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi, wajar diberikan perhatian dalam penyaluran bantuan zakat pendidikan di bawah kategori *fiṭṭi sabīlillāh*.²⁴ Tambahan pula, ramai dalam kalangan mereka berasal daripada keluarga B40 dan M40 yang tidak mampu menampung sepenuhnya kos pendidikan tinggi anak-anak mereka.²⁵

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian literatur dan analisis kandungan bagi meneliti definisi, asas hukum, kriteria serta amalan pengiktirafan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai penerima zakat di bawah kategori *fiṭṭi sabīlillāh*. Data

²² M. Z. Anuar Zaini, C. T. Lim, W. Y. Low, and F. Harun, "Effects of Nutritional Status on Academic Performance of Malaysian Primary School Children," *Asia Pacific Journal of Public Health* 17, no. 2 (2005): 81-87, <https://doi.org/10.1177/101053950501700204>

²³ Siti Norashikin Abdul Latif and Nurzaimah Asaal, "Cost of Living for Students: A Case Study at the Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University," *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 16, no. 2 (2024): 137-149.

²⁴ Nor Asmat Ismail, Lynda Daud, Saidatulakmal Mohd, Narimah Samat, and A. Ridzuan, "Living Style and Cost of Living: A Cross-Section Analysis of B40 Households in Malaysia," *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics* 31 (2023): 393-427, <https://doi.org/10.60016/majcafe.v31.15>

²⁵ Hui Lin Tok and Yong Kang Cheah, "Factors Influencing Students' Cost of Living: Evidence from Malaysian Universities," *International Journal of Banking and Finance* 19, no. 1 (2024): 107-132, <https://doi.org/10.32890/ijbf2024.19.1.5>

diperoleh daripada artikel jurnal, buku, prosiding persidangan, fatwa, laporan, garis panduan dan bahan digital rasmi institusi zakat negeri serta pusat zakat universiti. Pencarian dokumen dilakukan melalui Google Scholar dan enjin carian Google dengan menggunakan kata kunci seperti “zakat IPT”, “*asnaf fī sabīlillāh*”, “pelajar IPT”, “agihan zakat pendidikan”, “bantuan zakat pelajar” dan “fatwa zakat pendidikan”. Bahan yang dipilih berdasarkan tafsiran *fī sabīlillāh*, kedudukan pelajar sebagai penerima zakat, asas *maqāṣid al-sharī‘ah* dan masalah, syarat kelayakan serta bentuk bantuan yang disediakan. Dokumen yang tidak membincangkan pelajar IPT secara langsung atau hanya menyentuh zakat secara umum tidak dimasukkan dalam analisis.

Analisis kandungan dilakukan melalui proses pembacaan, pengkodan, pengelompokan tema dan perbandingan antara institusi. Data dianalisis berdasarkan enam tema utama, iaitu tafsiran klasik dan kontemporari *fī sabīlillāh*, peranan institusi fatwa, asas *maqāṣid al-sharī‘ah* dan ijtihad semasa, kriteria kelayakan pelajar, bentuk bantuan zakat serta mekanisme pelaksanaan oleh institusi zakat negeri dan pusat zakat IPT. Maklumat setiap institusi kemudian disusun dalam matriks perbandingan berdasarkan kategori penerima, syarat kelayakan, jenis bantuan dan kaedah agihan bagi mengenal pasti persamaan, perbezaan dan pola yang berulang. Bentuk bantuan yang dianalisis meliputi yuran pengajian, sara hidup, makanan, penginapan, pengangkutan, peralatan pembelajaran, bantuan perubatan, kecemasan dan program pembangunan *asnaf*. Dapatan seterusnya diuraikan secara deskriptif dan tematik bagi menjelaskan perkembangan tafsiran *fī sabīlillāh* serta amalan agihan zakat kepada pelajar IPT di Malaysia.

PERBINCANGAN

Dalam era kontemporari, cabaran dan keperluan umat Islam telah berkembang seiring dengan perubahan zaman, menjadikan pendekatan terhadap teks-teks syarak kadangkala tidak mencukupi untuk menangani realiti semasa. Di sinilah terserlahnya peranan institusi fatwa sebagai badan autoriti yang berfungsi untuk menyesuaikan hukum Islam dengan konteks semasa melalui proses penetapan hukum secara kolektif dan berasaskan kepakaran pelbagai bidang. Institusi fatwa seperti Jabatan Mufti Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) berperanan sebagai wadah musyawarah yang menghimpunkan pandangan ulama, sarjana, serta pakar pelbagai disiplin bagi menghasilkan keputusan hukum yang bersifat menyeluruh dan relevan. Pendekatan ini menjadikan keputusan fatwa lebih komprehensif, mengurangkan unsur

subjektiviti, dan meningkatkan legitimasi hukum dalam konteks kontemporari.²⁶

Dalam konteks pengurusan zakat moden, institusi fatwa memainkan peranan penting dalam memperluas tafsiran asnaf *fī sabīlillāh* agar bersesuaian dengan keperluan masyarakat semasa. Melalui perbincangan dan keputusan rasmi, institusi fatwa telah memperluas skop *fī sabīlillāh* daripada maksud klasik yang terhad kepada jihad ketenteraan kepada bentuk jihad yang lebih luas seperti pendidikan, penyebaran dakwah, pembangunan masyarakat, dan pemerkasaan ummah. Pendekatan ini menepati pandangan ulama kontemporari seperti Yusuf al-Qaradawi dan Wahbah al-Zuhayli yang menekankan bahawa *fī sabīlillāh* harus ditafsirkan secara dinamik selaras dengan *maqāṣid al-sharī'ah* serta tuntutan zaman yang berubah.²⁷ Kaedah ini digunakan oleh fuqaha untuk merumuskan hukum yang lebih sesuai dengan konteks semasa, tanpa menyalahi prinsip-prinsip syarak yang sedia ada.²⁸

Peranan institusi fatwa dalam konteks negeri Selangor, misalnya, dapat dilihat melalui proses kelulusan dan pelaksanaan Fatwa Sistem Agihan Zakat Selangor 1994. Mengikut Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, *fī sabīlillāh* ditakrifkan sebagai mana-mana individu atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau aktiviti-aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan menyebarkan dakwah Islam serta kebajikannya.²⁹ Takrif ini memperlihatkan bagaimana institusi fatwa menyesuaikan hukum dengan keperluan semasa melalui prinsip *maslahah mursalah* dan *ijtihad* institusi. Di samping itu, kuasa menggubal dan meluluskan dasar zakat ini disahkan oleh

²⁶ Yūsuf al-Qaradāwī, *al-Ijtihād al-Mu'āṣir bayna al-Indībāt wa al-Infirāt* (al-Qāhīrah: Dār al-Tawzī' wa al-Nashr al-Islāmiyyah, 1996), 97.

²⁷ Hayatullah Laluddin, "Maslahah's Role as an Instrument for Revival of Ijtihad," *International Journal of Islamic Thought* 8 (2015): 27-34.

²⁸ Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 139.

²⁹ Jabatan Mufti Negeri Selangor, "Fatwa Tentang Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor," 28 Oktober 2023, <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/28/fatwa-tentang-sistem-agihan-zakat-negeri-selangor/>

Perkara 74(1)(2) Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa penuh kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan perkenan Sultan untuk menggubal peraturan berkaitan urusan zakat dan asnaf. Melalui keputusan rasmi ini telah memperluas tafsiran *fī sabīlillāh* sedia ada dan dengan memberi ruang yang besar kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam menyalurkan bantuan yang lebih khusus kepada asnaf *fī sabīlillāh* pelajar.³⁰

Dengan itu, Fatwa Agihan Zakat telah diwartakan pada 29 Ogos 1994 untuk memberi garis panduan agihan zakat di Selangor. Demi memperkasakan lagi pengurusan zakat, Fatwa Agihan Zakat Selangor 2009 tambahan telah diluluskan yang turut memasukkan beberapa elemen lain termasuklah prinsip-prinsip agihan zakat (Fatwa Agihan Zakat Selangor (Kemaskini), 2009).³¹ Menurut Mujaini Tarimin (2005), ijtihad melalui sumber ijma, qias istislah, istihsan dan lain-lain sangat diperlukan dalam fiqh zakat.³² Keutamaan kepada masalah dan manfaat mestilah didahulukan dalam memastikan hukum fiqh bersesuaian dengan keperluan dan keadaan semasa. Mufti Negeri Selangor bersama Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Selangor atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan telah mengeluarkan Fatwa Agihan Zakat Selangor pada 29 Ogos 1994. Kemudian pada tahun 2009, telah dikeluarkan fatwa tambahan berkaitan agihan zakat untuk memantapkan lagi agihan zakat iaitu “Fatwa Agihan Zakat Selangor (Kemaskini) 2009”.³³

Peranan aktif institusi fatwa dalam memperluas tafsiran *fī sabīlillāh* kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) membuktikan bahawa pengeluaran fatwa bukan sahaja reaktif terhadap persoalan hukum, tetapi juga proaktif dalam merangka dasar pembangunan ummah. Dengan mengiktiraf pelajar yang menuntut ilmu sebagai sebahagian daripada asnaf *fī sabīlillāh*, peluasan makna ini membolehkan institusi zakat menyalurkan bantuan dengan lebih fokus, terarah dan bersifat pembangunan,

³⁰ Lembaga Zakat Selangor, “Penerima & Kriteria Penerimaan Zakat,”

³¹ Wan Marhaini Wan Ahmad, “Fatwas on Zakat in Malaysia - Trends and Issues,” *Journal of Ifta and Islamic Heritage* 1, no. 1 (2022): 66-87, <https://ejournal.muftiwp.gov.my/index.php/jiftah/article/view/14>

³² Mujaini Tarimin, *Zakat: Menuju Pengurusan Profesional* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2005), 78.

³³ Jabatan Mufti Selangor, “Fatwa Tentang Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor.”

khususnya kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT). Dalam kerangka ini, zakat pendidikan dilihat bukan hanya untuk menampung keperluan asas, tetapi sebagai pelaburan sosial jangka panjang bagi melahirkan generasi berilmu yang mampu memimpin masyarakat dengan nilai Islam yang kukuh.³⁴ Faktor perkembangan tafsiran asnaf *fi sabilillāh* pelajar berdasarkan pendekatan fatwa adalah disebabkan:

1. Perubahan Sosial dan Ekonomi Semasa

Kemunculan masyarakat madani yang lebih kompleks telah mewujudkan keperluan baharu yang tidak wujud pada zaman klasik. Kos pendidikan, keperluan teknologi, dan sara hidup yang tinggi telah menimbulkan keperluan mendesak terhadap sokongan kewangan, khususnya dalam kalangan pelajar dan institusi pendidikan Islam. Oleh kerana itu, ulama kontemporari menggunakan pendekatan *fatwa* untuk meluaskan skop *fi sabilillāh* supaya ia mencakupi mereka yang berjuang menuntut ilmu demi kemaslahatan umat, seiring dengan *maqāṣid al-sharī'ah* yang menekankan penjagaan akal dan pembangunan insan.³⁵

2. Keperluan kepada *Maqāṣid al-Sharī'ah*

Salah satu prinsip penting dalam hukum Islam ialah *maqāṣid al-sharī'ah*, iaitu objektif yang ingin dicapai oleh syariah. Tafsiran *fi sabilillāh* melalui lensa *maqāṣid* memberikan ruang yang luas untuk menyesuaikan agihan zakat dengan tujuan melindungi dan memajukan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.³⁶ Dalam konteks ini, pendidikan dilihat sebagai alat utama untuk menjamin kelestarian agama dan nilai Islam. Oleh itu, pelajar yang menuntut ilmu dalam bidang strategik demi manfaat umat boleh dikategorikan sebagai *fi sabilillāh*

³⁴ Dahaman, "Transformasi Konsep 'Fi Sabilillah' Berdasarkan Fatwa Negeri Perlis dan Peranan dalam Pengurusan Dana Zakat," 101-18.

³⁵ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah li-Aḥkāmihā wa Falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah* (al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, 1999), 77.

³⁶ Abū Ishāq al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Sharī'ah* (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, 1993), 10.

kerana mereka menyumbang secara tidak langsung kepada survival dan kemajuan umat Islam.³⁷

3. Keperluan Institusi Zakat Terhadap Agihan Semasa Asnaf.

Institusi zakat masa kini memerlukan pendekatan yang lebih fleksibel dan kontekstual dalam pengagihan dana zakat. Hal ini penting agar pengurusan zakat kekal relevan, efisien dan memenuhi keperluan sebenar asnaf.³⁸ Oleh itu, pendekatan *ijtihad maṣlaḥī* bukan sahaja membenarkan peluasan tafsiran asnaf, tetapi juga menyediakan asas syarie yang kukuh bagi dasar dan operasi agihan zakat kepada pelajar, tetapi juga kepada program pembangunan dakwah, dan perkembangan ilmu Islam.³⁹

Definisi asnaf yang terangkum dalam Surah al-Tawbah, ayat 60, telah menjelaskan kategori asnaf yang layak menerima zakat termasuklah asnaf *fī sabīlillāh*:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي
الرِّقَابِ وَالْعَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ
عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

³⁷ Asyraf Wajdi Dusuki and Nurdianawati Irwani Abdullah, "Maqasid al-Shari'ah, Maslahah, and Corporate Social Responsibility," *American Journal of Islamic Social Sciences* 24, no. 1 (2007): 25-45, <https://doi.org/10.35632/ajiss.v24i1.415>

³⁸ Azman Ab Rahman, Muhammad Azhad Al-Bohari, Siti Nurhafizan Panglima, Ahmad Muhasim, and Abubacarr Barrow, "Mekanisma dan Analisis Skim Agihan Zakat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Mengikut Maqasid Syariah: Mechanism and Analysis of Zakat Distribution Schemes at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) According to Maqasid Syariah," *Journal of Fatwa Management and Research* 30, no. 2 (2025): 162-75, <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol30no2.677>.

³⁹ Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Mohd Fami Mohd Sahid, Mohd Khairy Kamarudin, and Kamaliah Abdul Karim, "Zakat Distribution to Fi Sabilillah Asnaf in Higher Education Institutions: Universiti Teknologi Malaysia Experience," *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 8, no. 9 (2018): 138-49, <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v8-i9/4580>.

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnyanya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”

(Surah al-Tawbah, 9:60)

Berdasarkan pengertian serta konsep dari sudut jihad di dalam ayat 60, surah at-Tawbah adalah tidak dikhususkan hanya kepada orang yang berperang semata-mata. Sebaliknya bagi pandangan beberapa fuqaha menyatakan bahawa zakat boleh dibelanjakan untuk apa sahaja bagi tujuan kebaikan, termasuk menyempurnakan jenazah, membina benteng atau kubu pertahanan dan juga membina masjid.⁴⁰ Sebahagian besar ulama klasik memberikan tafsiran yang merujuk kepada mujahidin, iaitu mereka yang berjuang di medan perang demi mempertahankan Islam. Antara pandangan utama:

1. Al-Shāfi‘ī: menyatakan bahawa zakat dalam kategori ini hanya diberikan kepada tentera yang tidak menerima gaji daripada kerajaan, kerana mereka berjuang demi agama tanpa sumber pendapatan tetap.⁴¹
2. Ibn Qudāmah: berpandangan bahawa asnaf *fi sabīlillāh* tidak merangkumi ibadah lain seperti menunaikan haji, sebaliknya dikhususkan kepada golongan yang terlibat dalam perjuangan bersenjata di jalan Allah.
3. Al-Nawawī: menyokong pandangan bahawa ia khusus kepada pejuang fizikal, bukan untuk urusan lain seperti pendidikan, dakwah atau kebajikan.⁴²

⁴⁰ Al-Fakhr al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, vol. 16 (al-Qāhirah: al-Maktabah al-Miṣriyyah, 1983), 113.

⁴¹ Muḥammad ibn Idrīs al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, ed. Muḥammad Zuhri al-Najjār, 2nd ed., vol. 2 (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 1973), 60.

⁴² Yaḥyā ibn Sharaf al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1995), 321.

Pandangan tersebut memperlihatkan bahawa tafsiran ulama klasik terhadap *fī sabīlillāh* banyak dipengaruhi oleh konteks masyarakat dan keperluan pertahanan umat Islam pada zaman mereka, ketika jihad bersenjata merupakan antara bentuk utama perjuangan mempertahankan agama dan negara. Walau bagaimanapun, perubahan struktur sosial, ekonomi dan politik masyarakat Islam telah melahirkan bentuk perjuangan yang lebih pelbagai. Usaha mempertahankan dan memajukan Islam pada masa kini tidak lagi terbatas kepada peperangan fizikal, malah turut melibatkan pendidikan, dakwah, pembangunan ilmu dan pembinaan modal insan. Perubahan konteks ini membuka ruang kepada ijtihad kontemporari untuk menilai semula skop *fī sabīlillāh* berdasarkan tujuan asal pensyariaan zakat, prinsip kemaslahatan dan *maqāṣid al-sharī'ah*, tanpa menafikan pandangan fuqaha klasik.

Berasaskan perkembangan tersebut, institusi zakat di Malaysia seperti Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan majlis agama Islam negeri-negeri lain telah mengaplikasikan tafsiran *fī sabīlillāh* yang lebih luas dalam dasar agihan zakat. Antara golongan yang dipertimbangkan ialah pelajar yang menuntut ilmu dalam bidang yang dapat memberikan manfaat kepada agama dan masyarakat. Pendekatan ini berasaskan pertimbangan *maqāṣid al-sharī'ah* dan kemaslahatan semasa, khususnya dalam memelihara agama, mengembangkan ilmu serta memperkukuh pembangunan sosial dan modal insan umat Islam. Secara umumnya, kategori difokuskan kepada bantuan khusus dan keperluan asnaf *fī sabīlillāh* pelajar yang berada di IPT. Rentetan itu di Selangor, LZS telah melantik sembilan IPT sebagai penolong amil, termasuk Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Multimedia (MMU), Universiti Tun Razak (UniTAR), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), dan Universiti Selangor (Unisel).⁴³

Agihan zakat kepada pelajar IPT sebagai asnaf *fī sabīlillāh* pelajar telah menjadi satu pendekatan baharu dalam sistem zakat moden di Malaysia. Dalam konteks ini, pelajar yang sedang menuntut ilmu dalam

⁴³ Muhammad Rizal Jalil, Hairunnizam Wahid, and Sanep Ahmad, "Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi sebagai Model One Stop Center Agihan Zakat Pendidikan: Localization of Higher Education Institutions Zakat Unit as Model 'One Stop Center' for Zakat Distribution Education," *Journal of Fatwa Management and Research* 10, no. 1 (2017): 51-72, <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol10no1.28>.

bidang yang memberi manfaat kepada Islam dan umatnya dianggap sebagai golongan yang berjuang di jalan Allah dan dikelompok sebagai asnaf *fisabilillah*, selari dengan takrifan yang diperluas oleh kebanyakan institusi zakat dan mufti negeri. Perluasan makna ini membolehkan pihak zakat IPT memfokuskan bantuan dalam kategori yang diperlukan oleh asnaf *fī sabīlillāh* pelajar seperti yang di masukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Agihan Zakat Mengikut Universiti

Bil.	Universiti	Jenis Bantuan Zakat kepada Pelajar IPT
1	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Yuran pengajian, makanan, tempat tinggal, bantuan kecemasan (kematian, kesihatan)
2	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	Bantuan kewangan umum, keperluan pembelajaran & infrastruktur, bantuan khas & kecemasan
3	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Bantuan sara hidup, yuran pengajian, kewangan lain-lain, program pembangunan asnaf
4	Universiti Putra Malaysia (WAZAN)	Bantuan sara hidup, yuran pengajian, kewangan lain-lain, program pembangunan asnaf
5	Universiti Utara Malaysia (UUM)	Bantuan pendidikan, sara hidup, kecemasan & kesihatan, program khas, inisiatif lanjutan
6	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	Yuran pengajian, sara hidup, kecemasan, penyelidikan tesis, bantuan perubatan
7	Universiti Selangor (UNISEL)	Makanan percuma, yuran pengajian, bantuan lain melalui kerjasama LZS
8	Management and Science University (MSU)	Yuran pengajian, sara hidup, bahan pembelajaran, kecemasan, keselamatan sosial
9	Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)	Yuran pengajian, kecemasan, peralatan pembelajaran; keutamaan kepada pelajar syariah, dakwah, Islam

Sumber: Olahan penyelidik berdasarkan maklumat rasmi dan dokumen berkaitan skim bantuan zakat pelajar yang diterbitkan oleh UiTM, USIM, UKM, UPM, UUM, UNITEN, UNISEL, MSU dan UIS.

Praktis Zakat Di IPT Dalam Menyalurkan Bantuan Kepada Asnaf *Fīsabīlillāh* Pelajar Dalam Perluasan Makna Yang Diberikan.

Agihan zakat kepada asnaf *fīsabīlillāh* terbukti memberi kesan penting terhadap motivasi dan pencapaian akademik mereka. Terdapat pelajar yang menerima bantuan zakat pendidikan menunjukkan tahap motivasi

belajar yang lebih tinggi, kurang tekanan kewangan, dan lebih fokus terhadap pencapaian akademik.⁴⁴ Bantuan seperti yuran pengajian, peralatan pembelajaran, serta elaun sara hidup membantu pelajar menumpukan sepenuhnya kepada pembelajaran, sekaligus memperbaiki prestasi dalam peperiksaan dan kadar kehadiran pelajar ke kelas. Zakat bukan sekadar intervensi ekonomi, tetapi juga sebagai bentuk pengiktirafan sosial yang meningkatkan harga diri dan mendorong pelajar untuk membalas kepercayaan tersebut melalui kecemerlangan akademik dengan mencatat peningkatan purata GPA yang tinggi berbanding pelajar dari kumpulan sama yang tidak menerima bantuan.⁴⁵

Dari sudut kesejahteraan psikososial, agihan zakat telah berfungsi sebagai instrumen pemulihan emosi dan kestabilan mental dalam kalangan pelajar yang berisiko. Bantuan zakat memberi kesan langsung terhadap keseimbangan psikologi pelajar, khususnya dalam menangani tekanan hidup, keresahan tentang masa depan, dan masalah sosial seperti stigma kemiskinan.⁴⁶ Pelajar akan lebih berasa aman dengan ketenangan fikiran, dan keyakinan diri setelah menerima bantuan, malah berasa lebih dihargai oleh institusi dan masyarakat. Perasaan disokong ini berupaya membentuk jaringan emosi yang stabil dan mendorong pelajar untuk terus kekal dalam pengajian serta aktif dalam aktiviti kampus.⁴⁷

Zakat memainkan peranan strategik sebagai pemangkin pembangunan modal insan dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT), terutamanya bagi pelajar yang tergolong dalam

⁴⁴ Pg Mohd Faezul Fikri Ag Omar and Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, "The Roles of Zakat Towards Maqasid Al-Shariah and Sustainable Development Goals (SDGs): A Case Study of Zakat Institutions in East Malaysia," *International Journal of Zakat* 8, special issue (2023): 68-81, <https://doi.org/10.37706/ijaz.v8i2.406>

⁴⁵ Ibrahim Hashim, Sanep Ahmad, Abdul Basir Haji Mohamad, and Shofian Hj Ahmad, "Inovasi dalam Pengurusan Zakat di UPSI: Kesannya terhadap Kepuasan Asnaf dalam Kalangan Pelajar: Innovation in the Management of Zakat in UPSI: Its Effect on Recipients' Satisfaction among Students," *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 7, no. 1 (2015): 101-12.

⁴⁶ Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki and Jasni Sulong, "Mekanisma Agihan Zakat Pendidikan Pengajian Tinggi dalam dan Luar Negara: Kajian di Lembaga Zakat Negeri Kedah," *Journal of Contemporary Islamic Studies* 7, no. 2 (2021): 153-76, <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/58409/>

⁴⁷ Norfariza Mohd Radzi and Nur Aliza Ahmad, "Peranan Zakat dalam Meningkatkan Ekuiti dalam Pendidikan Anak-Anak Miskin Bandar di Malaysia," *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 4, no. 3 (2017): 1-13, <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/8464>

kelompok berpendapatan rendah atau asnaf. Agihan zakat dalam bentuk bantuan pendidikan seperti pembiayaan yuran, sokongan kebajikan dan penyediaan kemudahan asas pelajar berupaya memperkukuh kapasiti intelektual serta menyumbang kepada kelangsungan pengajian tanpa gangguan. Ini selari dengan objektif *maqāsid al-sharī'ah* yang menekankan kepentingan menjaga akal, dan agama sebagai asas dalam pembinaan masyarakat berilmu.⁴⁸ Tambahan pula, penumpuan terhadap pelajar dalam bidang-bidang keutamaan seperti dakwah, perundangan Islam, pendidikan, serta sains kesihatan menjadikan zakat bukan hanya alat kebajikan tetapi juga satu bentuk pelaburan jangka panjang terhadap kelestarian ummah.

Dari dimensi sosial dan rohani, bantuan zakat berpotensi menjadi mekanisme pengukuhan jati diri, daya tahan dan kesejahteraan psikososial mahasiswa. Sokongan kewangan yang lebih stabil dapat mengurangkan tekanan berkaitan yuran pengajian, kos sara hidup dan keperluan pembelajaran, sekali gus membolehkan pelajar memberikan tumpuan yang lebih baik terhadap pengajian serta pengembangan potensi diri. Kajian menunjukkan bahawa tekanan kewangan mempunyai hubungan dengan tahap tekanan yang dialami oleh mahasiswa, manakala bantuan zakat dapat memberikan kelegaan kewangan kepada penerima, walaupun jumlah bantuan yang diterima dalam sesetengah keadaan masih belum mencukupi untuk menampung keseluruhan kos sara hidup mereka.⁴⁹

Oleh itu, pendefinisian asnaf *fī sabīlillāh* yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti seperti institusi fatwa mampu memberikan asas hukum yang lebih jelas bagi pelaksanaan agihan zakat kepada pelajar IPT. Melalui fatwa dan garis panduan yang ditetapkan, institusi zakat dapat menyesuaikan dasar agihan dengan perkembangan keperluan pendidikan dan pembangunan umat semasa. Dalam konteks pengurusan zakat di Malaysia, peluasan pentafsiran asnaf melalui pendekatan *maṣlahah mursālah* merupakan salah satu bentuk ijtihad yang membolehkan agihan zakat disesuaikan dengan realiti sosial tanpa

⁴⁸ Ag Omar, "The Roles of Zakat Towards Maqasid Al-Shariah and Sustainable Development Goals (SDGs): A Case Study of Zakat Institutions in East Malaysia," 68-81.

⁴⁹ Nor Farah Mohamad Fauzi and Kenny K. L. Khoo, "Financial Distress and Perceived Stress among University Students in Health Sciences," *Jurnal Personalia Pelajar* 24, no. 1 (2021): 41-52.

mengetepikan prinsip syariah.⁵⁰ Penetapan definisi, kriteria kelayakan, bentuk bantuan, kadar agihan dan mekanisme pemantauan yang jelas juga membolehkan bantuan disalurkan secara lebih sistematik dan terarah kepada pelajar yang benar-benar memenuhi syarat. Pendekatan ini seterusnya menyokong pemeliharaan agama, akal dan kebajikan penerima, di samping memperkukuh peranan zakat sebagai instrumen pembangunan pendidikan dan modal insan. Selain itu, penyelarasan prinsip dan prosedur antara institusi zakat negeri dapat meningkatkan keseragaman, ketelusan dan keadilan dalam pelaksanaan fatwa berkaitan asnaf *fī sabīlillāh*.⁵¹

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa peluasan tafsiran asnaf *fī sabīlillāh* daripada pengertian klasik yang tertumpu kepada jihad ketenteraan kepada kerangka kontemporari yang merangkumi pendidikan, dakwah, pembangunan masyarakat dan pemeraksanaan ummah mempunyai asas syarak yang dapat dipertahankan melalui prinsip *maqāṣid al-sharī'ah*, *maṣlaḥah mursalah* dan ijtihad institusi. Dalam konteks Malaysia, khususnya Selangor, pendefinisian dan pempfatwaan yang lebih luas telah menyediakan legitimasi hukum kepada institusi zakat untuk menyalurkan bantuan kepada pelajar IPT di bawah kategori *fī sabīlillāh*. Namun, sumbangan utama kajian ini bukan sekadar mengesahkan kelayakan pelajar sebagai penerima, tetapi turut menunjukkan bahawa peluasan tersebut membawa implikasi langsung terhadap tadbir urus zakat, pembentukan fatwa negeri dan perkembangan fiqh kontemporari. Bagi institusi zakat, peluasan ini menuntut pembentukan kriteria kelayakan yang lebih jelas, penentuan kadar bantuan berdasarkan keperluan sebenar pelajar, pemantauan keberhasilan agihan serta penyelarasan kategori asnaf bagi mengelakkan pertindihan antara *fī sabīlillāh*, fakir dan miskin. Bagi institusi fatwa negeri pula, keputusan

⁵⁰ Muhammad Safwan Harun, Hafizi Zikry Hasim, Muhammad Ikhlas Rosele, and Abdul Karim Ali, "Aplikasi Maṣlaḥah Mursālah dalam Perluasan Takrifan Asnaf Zakat dan Kesannya dalam Mendepani Krisis Kemiskinan di Malaysia," *Online Journal of Research in Islamic Studies* 10, no. 2 (2023): 55-68, <https://doi.org/10.22452/ris.vol10no2.4>

⁵¹ Mohd Shuzaini Soib and Jasni Sulong, "A Comparative Study of the Practice of Zakat Distribution to Asnaf *Fī Sabīlillāh* in Selected States in Malaysia: Kajian Perbandingan Amalan Agihan Zakat kepada Asnaf *Fī Sabīlillāh* di Negeri-Negeri Terpilih di Malaysia," *Al-Qanātir: International Journal of Islamic Studies* 33, no. 2 (2024): 1-14, <https://al-qanatir.com/aq/article/view/646>

yang dikeluarkan perlu diterjemahkan kepada garis panduan operasional yang lebih terperinci agar tafsiran hukum dapat dilaksanakan secara konsisten, telus dan boleh dinilai.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar institusi fatwa dan zakat negeri membangunkan satu kerangka bersama yang merangkumi definisi operasional *fī sabīlillāh* pelajar, ukuran *ḥadd al-kifāyah* khusus kepada pelajar IPT, syarat kelayakan, bentuk bantuan, keutamaan agihan dan indikator impak. Dasar agihan juga perlu disemak secara berkala berdasarkan perubahan kos pendidikan, kos sara hidup dan keperluan pasaran semasa. Di samping itu, pangkalan data bersepadu antara institusi zakat negeri dan pusat zakat universiti wajar diwujudkan bagi mengelakkan pertindihan bantuan, meningkatkan ketepatan sasaran dan menilai kesan zakat terhadap kelangsungan pengajian, prestasi akademik, kesejahteraan psikososial serta kebolehpasaran graduan. Dengan pendekatan ini, zakat pendidikan dapat berfungsi bukan sahaja sebagai bantuan kebajikan, tetapi sebagai instrumen pembangunan modal insan dan pelaburan sosial jangka panjang yang lebih tersusun, berimpak dan selaras dengan kehendak syariah.

RUJUKAN

- Ab Rahman, Azman, Muhammad Azhad Al-Bohari, Siti Nurhafizan Panglima, Ahmad Muhasim, and Abubacarr Barrow. "Mekanisma dan Analisis Skim Agihan Zakat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Mengikut Maqasid Syariah: Mechanism and Analysis of Zakat Distribution Schemes at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) According to Maqasid Syariah." *Journal of Fatwa Management and Research* 30, no. 2 (2025): 162-175. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol30no2.677>
- ‘Abd Allāh ibn Aḥmad Ibn Qudāmāh, *al-Mughnī*, vol. 9. Riyāḍ: Dār ‘Ālam al-Kutub, 1997.
- Adnan, Nurul Ilyana Muhd, and Rabi’atul Solehah. "Tafsiran dan Status Asnaf Fisabilillah dalam Pengagihan Zakat: Interpretation and Status of Fisabilillah Asnaf in the Distribution of Zakah." *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 12, no. 1 (2018): 24-34.

- Ag Omar, Pg Mohd Faezul Fikri, and Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin. "The Roles of Zakat Towards Maqasid Al-Shariah and Sustainable Development Goals (SDGs): A Case Study of Zakat Institutions in East Malaysia." *International Journal of Zakat* 8, Special Issue (2023): 68-81. <https://doi.org/10.37706/ijaz.v8i2.406>
- Al-Nawawī, Yahyā ibn Sharaf. *Rawḍat al-Ṭālibīn*. Bayrūt: Dār al-Fikr, 1995.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. *Al-Ijtihād al-Mu'āṣir bayna al-Indibāt wa al-Infirāt*. Al-Qāhirah: Dār al-Tawzī' wa al-Nashr al-Islāmiyyah, 1996.
- Al-Qaradawi, Yusuf. *Fiqh al-Zakah: A Comparative Study of Zakah, Regulations and Philosophy in the Light of the Qur'an and Sunnah*. Vol. 1. Jeddah: Scientific Publishing Centre, King Abdulaziz University, 1999.
- Al-Rāzī, al-Fakhr. *Al-Tafsīr al-Kabīr*. Vol. 16. Al-Qāhirah: al-Maktabah al-Miṣriyyah, 1983.
- Al-Shāfi'ī, Muḥammad ibn Idrīs. *Al-Umm*. Dār al-Ma'rifah, 1973.
- Al-Shāṭibī, Abū Ishāq. *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*. (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, 1993).
- Busyro, Busyro. "Using Zakāh For The Establishment of Islamic Centers and Maqāṣid Al-Syarī'ah's Relativities." *Al-Risalah* 19, no. 1 (2019): 69-88.
- Dahaman, Mohd Akram, Hydzulkifli Hashim, Syed Abu Bakar Syed Kamal Bharin, and Mohd Nazim Mohd Noor. "Transformasi Konsep 'Fi Sabilillah' Berdasarkan Fatwa Negeri Perlis dan Peranan dalam Pengurusan Dana Zakat: The Transformation of the Concept of Fi Sabilillah Based on the Fatwa of the State of Perlis and its Role in Managing Zakat Funds." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 25, no. 3 (2024): 101-118.
- Dusuki, Asyraf Wajdi, and Nurdianawati Irwani Abdullah. "Maqasid al-Shari'ah, Maslahah, and Corporate Social Responsibility." *American Journal of Islamic Social Sciences* 24, no. 1 (2007): 25-45. <https://doi.org/10.35632/ajiss.v24i1.415>.

- Faizi, Hafiz Falak Shair and Hafiz Sfarish Ali. "The core principles of Islamic jurisprudence within legal theory: A comprehensive analysis." *Online Journal of Research in Islamic Studies* 11, no. 2 (2024): 57-72.
- Fauzi, Nor Farah Mohamad, and Kenny K. L. Khoo. "Financial Distress and Perceived Stress among University Students in Health Sciences." *Jurnal Personalia Pelajar* 24, no. 1 (2021): 41-52.
- Harun, Muhammad Safwan, Hafizi Zikry Hasim, Muhammad Ikhlas Rosele, and Abdul Karim Ali. "Aplikasi Maṣlaḥah Mursālah dalam Perluasan Takrifan Asnaf Zakat dan Kesannya dalam Mendepani Krisis Kemiskinan di Malaysia." *Online Journal of Research in Islamic Studies* 10, no. 2 (2023): 55-68. <https://doi.org/10.22452/ris.vol10no2.4>.
- Hashim, Ibrahim, Sanep Ahmad, Abdul Basir Haji Mohamad, and Shofian Hj Ahmad. "Inovasi dalam Pengurusan Zakat di UPSI: Kesannya terhadap Kepuasan Asnaf dalam Kalangan Pelajar: Innovation in the Management of Zakat in UPSI: Its Effect on Recipients' Satisfaction among Students." *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 7, no. 1 (2015): 101-112.
- Ibn Qudāmah, 'Abd Allāh ibn Aḥmad. *Al-Mughnī*. Vol. 6. Riyadh: Dār 'Ālam al-Kutub, 1997
- Ismail, Mohammad Noorazlan Md, and Nor Aini Ali. "Analisis Agihan Zakat oleh Penolong Amil Institusi Pengajian Tinggi di Selangor: Analysis of Zakat Distribution by Amil Assistants of Higher Education Institutions in Selangor." *Online Journal of Research in Islamic Studies* 8, no. 3 (2021): 1-14.
- Ismail, Nor Asmat, Lynda Daud, Saidatulakmal Mohd, Narimah Samat, and Abdul Rahim Ridzuan. "Living Style and Cost of Living: A Cross-Section Analysis of B40 Households in Malaysia." *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics* 31 (2023): 393-427. <https://doi.org/10.60016/majcafe.v31.15>.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. "Fatwa Menukar Status Wang Dermasiswa Zakat dan Bantuan Umum Pelajaran Pelajar Selangor di Mesir yang Tidak Dituntut kepada yang Belum

- Diagihkan untuk Penerima *Fi Sabilillah*.” Diakses pada 31 Oktober 2025.
<https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/27/fatwa-menukar-status-wang-dermasiswa-zakat-dan-bantuan-umum-pelajaran-pelajar-selangor-di-mesir-yang-tidak-dituntut-kepada-yang-belum-diagihkan-untuk-penerima-fi-sabilillah/>.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. “Fatwa Tentang Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor.” 28 Oktober 2023.
<https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/28/fatwa-tentang-sistem-agihan-zakat-negeri-selangor/>
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. “Zakat dalam Konteks Pendidikan.” Diakses pada 31 Oktober 2025.
https://emusykil.muftiselangor.gov.my/index.php/site/carian?s_oalan=Zakat+dalam+Konteks+Pendidikan
- Jalil, Muhammad Rizal, Hairunnizam Wahid, and Sanep Ahmad. “Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi sebagai Model One Stop Center Agihan Zakat Pendidikan: Localization of Higher Education Institutions Zakat Unit as Model ‘One Stop Center’ for Zakat Distribution Education.” *Journal of Fatwa Management and Research* 10, no. 1 (2017): 51–72.
<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol10no1.28>.
- Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. “Fatwa Penerima Zakat Bawah Kategori *Fi-Sabilillah*.” Diakses pada 31 Oktober 2025,
<https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/851-fatwa-penerima-zakat-bawah-kategori-fi-sabilillah>.
- Laluddin, Hayatullah. “Maslahah’s Role as an Instrument for Revival of Ijtihad.” *International Journal of Islamic Thought* 8 (2015): 27–34.
- Latif, Siti Norashikin Abdul, and Nurzaimah Asasal. “Cost of Living for Students: A Case Study at the Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University.” *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 16, no. 2 (2024): 137–49.
- Lembaga Zakat Selangor. “Penerima dan Kriteria Penerimaan Zakat.” Diakses pada 31 Oktober 2025.
<https://www.zakatselangor.com.my/agihan-zakat/penerima-kriteria-penerimaan-zakat>.

- Majelis Ulama Indonesia. "Fatwa MUI Tahun 1996 tentang Pemberian Zakat untuk Beasiswa." Dalam *Himpunan Fatwa Zakat Majelis Ulama Indonesia 1976-2021*, 11-12. Jakarta: Sekretariat Komisi Fatwa Majelis Ulama Indonesia, 2021. <https://ybmpln.org/uploadybmpln/images/file/b116d65d1f688c5ea772e8d9f4cbdf46.pdf>
- Majlis Agama Islam Melaka. "Fisabilillah." Diakses pada 31 Oktober 2025. <https://www.maim.gov.my/index.php/ms/asnaf-zakat-program/fisabilillah/>.
- Mohamad Zaki, Mohamad Muhaimin, and Jasni Sulong. "Mekanisma Agihan Zakat Pendidikan Pengajian Tinggi dalam dan Luar Negara: Kajian di Lembaga Zakat Negeri Kedah." *Journal of Contemporary Islamic Studies* 7, no. 2 (2021): 153-76. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/58409/>
- Mohd Radzi, Norfariza, and Nur Aliza Ahmad. "Peranan Zakat dalam Meningkatkan Ekuiti dalam Pendidikan Anak-Anak Miskin Bandar di Malaysia." *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 4, no. 3 (2017): 1-13. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/8464>
- MyWakalah. "Kapsul Wakalah: Apa sebenarnya yang dikategorikan sebagai Fisabilillah?" Diakses pada 31 Oktober 2025. <https://mywakalah.zakat.com.my/articles/3>.
- Nor Muhamad, Nasrul Hisyam, Mohd Fami Mohd Sahid, Mohd Khairy Kamarudin, and Kamaliah Abdul Karim. "Zakat Distribution to Fi Sabilillah Asnaf in Higher Education Institutions: Universiti Teknologi Malaysia Experience." *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 8, no. 9 (2018): 138-149. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v8-i9/4580>
- Sikul, Razinah. "Cabaran Ekonomi dalam Kehidupan Pelajar B40: Kajian ke atas Pelajar Politeknik Kota Kinabalu." Kertas kerja dibentangkan di 2nd International Multidisciplinary Academic Conference (IMAC'22), 2022.

- Soib, Mohd Shuzaini, and Jasni Sulong. "A Comparative Study of the Practice of Zakat Distribution to Asnaf Fi Sabilillah in Selected States in Malaysia: Kajian Perbandingan Amalan Agihan Zakat kepada Asnaf Fi Sabilillah di Negeri-Negeri Terpilih di Malaysia." *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 33, no. 2 (2024): 1–14. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/646>.
- Tarimin, Mujaini. *Zakat: Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2005.
- Tok, Hui Lin, and Yong Kang Cheah. "Factors Influencing Students' Cost of Living: Evidence from Malaysian Universities." *International Journal of Banking and Finance* 19, no. 1 (2024): 107-132. <https://doi.org/10.32890/ijbf2024.19.1.5>
- Wan Ahmad, Wan Marhaini. "Fatwas on Zakat in Malaysia - Trends and Issues." *Journal of Ifta and Islamic Heritage* 1, no. 1 (2022): 66-87. <https://ejournal.muftiwp.gov.my/index.php/jiftah/article/view/14>
- Zaini, M. Z. Anuar, C. T. Lim, W. Y. Low, and F. Harun. "Effects of Nutritional Status on Academic Performance of Malaysian Primary School Children." *Asia Pacific Journal of Public Health* 17, no. 2 (2005): 81-87. <https://doi.org/10.1177/101053950501700204>